

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

SOALAN

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kewujudan dasar/ undang-undang penapisan dan penilaian orang yang memohon untuk bekerja secara rasmi atau tidak rasmi dengan kanak-kanak, supaya penderaan fizikal/ seksual dapat dielakkan, seperti "*working with children checks*" di Australia atau "*disclosure and barring service checks*" di UK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius terhadap kes penderaan sama ada penderaan fizikal, seksual serta pengabaian terhadap kanak-kanak. Bagi menangani isu penderaan kanak-kanak khususnya penderaan seksual kanak-kanak, Kementerian telah membangunkan sistem semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam Daftar Kanak-Kanak yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 2019.

Sistem semakan ini merupakan sebahagian daripada maklumat dalam Sistem Daftar Kanak-kanak yang boleh diberikan kepada orang-orang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 120 Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]. Sistem Daftar Kanak-Kanak adalah bentuk yang ditetapkan untuk disimpan dan digunakan sebagai Daftar Kanak-kanak di bawah Seksyen 118 Akta 611. Ia merupakan suatu pangkalan data berpusat yang menyimpan maklumat kanak-kanak sama ada mempunyai kes atau disyaki memerlukan perlindungan, maklumat pelaku yang telah disabitkan atas apa-apa kesalahan terhadap kanak-kanak dan apa-apa perkara lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

Tujuan semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam Daftar Kanak-Kanak ini diwujudkan adalah Untuk mempertingkatkan perlindungan dan keselamatan terhadap kanak-kanak dan mencegah dan mengekang jenayah terhadap kanak-kanak daripada berlaku dan berulang. Daftar ini boleh meningkatkan perlindungan dan keselamatan terhadap kanak-kanak yang mana seseorang yang ingin mengambil pekerja dalam bidang berkaitan pengurusan kanak-kanak boleh membuat semakan untuk memastikan individu yang diambil bekerja bebas daripada rekod jenayah terhadap kanak-kanak. Maklumat mengenai pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak diperolehi daripada pihak mahkamah.

Semakan boleh dibuat oleh individu termasuk ibu bapa dan agensi yang bercadang mengambil kakitangan dalam sektor pekerjaan yang melibatkan kanak-kanak seperti:

- Pengasuhan di TASKA atau di Rumah (contoh: pengasuh)
- Penjagaan kanak-kanak di institusi/asrama/pusat jagaan (contoh: warden asrama, atendan)
- Bidang pendidikan seperti tadika, pusat tuisyen (contoh: guru, tukang kebun, pengusaha kantin, pengawal keselamatan)
- Kesihatan/perubatan di klinik/hospital (contoh: atendan, jururawat, doktor)
- Pengangkutan seperti pemandu bas sekolah.
- Sukan dan Rekreasi
- Mana-mana yang ditentukan secara munasabah oleh KPKM

Permohonan semakan boleh dibuat dengan:

- Hadir ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah yang berdekatan;
- Kemukakan kad pengenalan dan dokumen sokongan untuk pendaftaran;
- Isi borang permohonan;
- Pegawai akan menyemak nombor kad pengenalan individu yang dirujuk.

Keputusan carian akan diperolehi dalam masa 5 hari bekerja. Keputusan carian akan disampaikan secara terus kepada pemohon yang hadir ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri atau melalui e-mel/ faks/ surat sama ada ADA REKOD atau MEMERLUKAN SEMAKAN LANJUT. Keputusan semakan lanjut akan dihantar kepada pemohon dalam tempoh 25 hari bekerja. Pada masa ini semakan dalam Daftar Kanak-kanak terhad untuk kes JENAYAH SEKSUAL terhadap kanak-kanak sahaja. Maklumat pelaku tidak boleh didedahkan kepada umum. Merujuk kepada Seksyen 121 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu mana-mana orang yang memberi mana-mana orang lain apa-apa butir yang terkandung dalam Daftar selain menurut seksyen 120 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit

SOALAN NO. : 65

atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

SOALAN

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bantuan berkala yang diberikan kepada penduduk miskin tegar. Senaraikan nama-nama penduduk miskin tegar di kawasan Parlimen Tanjong Malim.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan **berasaskan kepada formula perkiraan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2019 (*Household Income Survey 2019*)**. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa (2019) adalah **RM2,208 berbanding PGK terdahulu (2016) iaitu RM980**.

Sehingga **28 Februari 2022**, statistik Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dengan eKasih bagi seluruh negeri **Perak** adalah sebanyak 41,759 KIR yang terdiri daripada **16,061 KIR (38.5%) berstatus Miskin Tegar** dan 25,698 KIR (61.5%) berstatus Miskin. Manakala, KIR yang berdaftar dengan eKasih bagi **Parlimen Tanjong Malim** pula adalah sebanyak **1,748 KIR** yang terdiri daripada **667 KIR (38.2%) berstatus Miskin Tegar** dan 1,081 KIR (61.8%) berstatus Miskin. Keseluruhan 667 KIR berstatus Miskin Tegar di Parlimen Tanjong Malim telah menerima 5,039 bantuan yang bernilai sebanyak RM 7.5 juta.

Sistem eKasih ini **memberi ruang kepada semua kementerian/ agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri** mengakses data/ maklumat kemiskinan yang sama. Hal ini akan dapat mengelakkan sebarang pertindihan atau ketirisan penyaluran bantuan/ program kepada golongan miskin. Walau bagaimanapun, **bantuan yang disalurkan kepada penerima dan penentuan pemilihan peserta untuk menerima bantuan adalah di bawah prerogative kementerian/ agensi pemberi bantuan** itu sendiri, memandangkan kriteria dan syarat pemilihan peserta adalah tertakluk sepenuhnya di bawah kementerian/ agensi berkenaan. Keperluan untuk mendapatkan **senarai nama KIR berstatus Miskin Tegar di kawasan Parlimen Tanjong Malim boleh dimohon melalui Pejabat Pembangunan Negeri Perak, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) JPM**. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN
MAT NAWI [TUMPAT]**

SOALAN

Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawı [Tumpat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perincian jenis program bantuan dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi membantu golongan sasaran sepanjang tempoh penularan COVID-19 di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sebanyak RM1.54 bilion bagi tahun 2020 dan RM1.76 bilion pada tahun 2021 telah dibelanjakan bagi melaksanakan 11 skim bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selain itu, bagi membantu golongan sasaran sepanjang tahun 2020, Kerajaan melalui KPWKM juga telah melaksanakan tujuh (7) program di bawah Pakej PRIHATIN dan PENJANA dengan peruntukan telah dibelanjakan berjumlah RM155.29 juta. Manakala bagi tahun 2021, sebanyak enam (6) program di bawah Pakej PENJANA, PERMAI dan PEMULIH telah dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak RM88.51 juta. Keseluruhan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2020-2021 di bawah Pakej PRIHATIN, PENJANA, PERMAI dan PEMULIH berjumlah RM243.8 juta.

Statistik jumlah peruntukan bagi membantu golongan sasaran sepanjang tempoh penularan COVID-19 mengikut skim-skim bantuan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti jadual berikut:

Skim Bantuan	Tahun 2020	Tahun 2021	Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan (RM)
	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	
<u>BANTUAN PERSEKUTUAN JKM</u>			
Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	193,285,400.00	312,800,050.00	506,085,450.00
Bantuan Warga Emas (BWE)	576,173,780.00	606,753,200.00	1,182,926,980.00
Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU)	426,052,162.68	428,931,321.25	854,983,483.93
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	221,920,613.50	253,337,818.30	475,258,431.80
Bantuan penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	105,700,123.82	141,476,010.45	247,176,134.27
Bantuan AM (BA)	5,876,720.00	7,562,850.00	13,439,570.00

SOALAN NO. : 106

Skim Bantuan	Tahun 2020	Tahun 2021	Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan (RM)
	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	
Bantuan Latihan perantis (BLP)	169,100.00	106,654.00	275,754.00
Bantuan Anak Pelihara (BAP)	1,575,800.00	1,795,527.90	3,371,327.90
Geran Pelancaran (GP)	992,433.40	132,250.00	1,124,683.40
Tabung Bantuan Segera (TBS)	1,728,475.00	1,361,377.00	3,089,852.00
Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan (BAT)	2,917,850.41	2,697,022.34	5,614,872.75
Jumlah Skim Bantuan JKM	1,536,392,458.81	1,756,954,081.24	3,293,346,540.05
BANTUAN KHAS KERAJAAN (PRIHATIN, PENJANA, PERMAI, PEMULIH)			
Bantuan Sosial Bakul Makanan (PRIHATIN)	22,200,000.00	0.00	22,000,000.00
Bantuan untuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (PRIHATIN)	20,000,000.00	0.00	20,000,000.00
Bantuan Khas Ibu Tunggal (PENJANA)	42,168,000.00	0.00	42,168,000.00
Bantuan Sosial kepada Golongan Mudah Terjejas : Geran kepada NGO (PENJANA)	1,791,892.30	2,582,226.08	4,374,118.38
Bantuan Khas OKU (PENJANA)	56,362,200.00	0.00	56,362,200.00
Bantuan Khas bagi Khidmat Bantu di Rumah (PENJANA)	622,500.00	0.00	622,500.00
Bantuan Khas kepada Pengendali TASKA (PENJANA & PEMULIH)	12,145,500.00	7,450,400.00	19,595,900.00
Program Bakul Makanan (PERMAI)	0.00	50,000,000.00	50,000,000.00
Bantuan Kewangan Khas OKU (PEMULIH)	0.00	7,100,500.00	7,100,500.00
Program Jaringan Inisiatif Umum (JITU) (PEMULIH)	0.00	20,000,000.00	20,000,000.00
Program Bantuan Sokongan Psikososial (PEMULIH)	0.00	1,379,300.00	1,379,300.00
Jumlah Bantuan Khas	155,290,092.30	88,512,426.08	243,802,518.38
Jumlah Keseluruhan	1,691,682,551.11	1,845,466,507.32	3,537,149,058.43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

(PEMBANGKANG)

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes-kes keganasan rumah tangga sejak tahun 2018 sehingga kini. Nyatakan pendekatan/ Polisi diambil dalam menangani gejala berkaitan termasuk sistem sokongan pada aspek mental dan fizikal terhadap mangsa-mangsa yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Berdasarkan statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumahtangga yang telah dilaporkan bagi tahun **2018 hingga 2021** ialah sebanyak **23,806 kes**.

Negeri	2018	2019	2020	2021	Jumlah
Johor	705	611	507	545	2,368
Kedah	561	522	510	815	2,408
Kelantan	518	379	392	578	1,867
Melaka	60	123	247	288	718
Negeri Sembilan	313	262	268	375	1,218
Pulau Pinang	215	283	271	487	1,256
Pahang	255	357	185	299	1,096
Perak	463	463	370	507	1,803
Perlis	111	144	67	105	427
Sabah	406	329	266	394	1,395
Sarawak	491	491	599	649	2,230
Selangor	923	1021	944	1713	4,601
Terengganu	251	260	308	392	1,211
WP Kuala Lumpur	149	412	326	321	1,208
Jumlah Keseluruhan	5,421	5,657	5,260	7,468	23,806

*Sumber: PDRM

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

1) Talian Kasih 15999

KPWKM telah memperluaskan usaha mempromosikan perkhidmatan aduan atas talian melalui “Talian Kasih 15999” dan aplikasi WhatsApp 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat bagi mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan oleh KPWKM termasuk perkhidmatan psiko-sosial dan berperanan sebagai pusat rujukan, tempat untuk mendapatkan *immediate relief* seperti kaunseling dan perlindungan sementara sebelum mereka dirujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan.

2) Mesyuarat Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga

Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT) diwujudkan pada tahun 2019 sebagai platform menyelaraskan usaha menangani keganasan rumah tangga secara bersama oleh agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan di bawah payung JKRT dalam mendepani isu keganasan rumah tangga terutamanya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3) Program Advokasi dan Psikososial

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan pelbagai program advokasi sepanjang tahun. Program ini menyediakan perkhidmatan kaunseling secara atas talian dan melaksanakan program psikopendidikan melalui DeStress Clinic, Klinik Undang-Undang, Wanita Anti Jenayah dan pelaksanaan program Sukarelawan Skuad Waja (sejak tahun 2021).

Skuad WAJA memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan

terhadap wanita serta membantu mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional. Program ini dilihat dapat membantu komuniti dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan menangani isu-isu jenayah. Sukarelawan Skuad WAJA melaksanakan pelbagai aktiviti psikososial dalam komuniti meliputi bimbingan, nasihat dan rujukan kepada pihak-pihak berkaitan.

4) Perkhidmatan Kaunseling dan Psikososial

Perkhidmatan kaunseling / tele-kaunseling dan psikososial melalui agensi KPWKM iaitu Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan perkhidmatan kaunseling motivasi kepada masyarakat, khususnya ibu tunggal, wanita, remaja, mangsa keganasan dan lain-lain. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh kaunselor di negeri dan daerah bagi membantu mereka yang memerlukan.

5) Bantuan Sokongan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat

JKM turut menyediakan bantuan sokongan kepada wanita seperti Tabung Bantuan Segera, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Bakul Prihatin tertakluk kepada kelayakan dan syarat bantuan tersebut.

6) Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)

- a. PSSS ditubuhkan sebagai inisiatif untuk menangani isu keganasan rumah tangga dan masalah sosial.
- b. PSSS ini juga berperanan sebagai pusat rujukan khusus di peringkat komuniti kepada semua lapisan masyarakat.
- c. Penubuhan PSSS melibatkan 3 PSSS secara berpremis dan 7 PSSS secara *mobile*.

7) Penyediaan Tempat Selamat / Tempat Berlindung / Rumah Perlindungan

- a. Penempatan sementara di **Tempat Selamat**, sekiranya diperlukan oleh mangsa. Tempat Selamat di bawah kendalian kerajaan beroperasi sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19. Sehingga kini terdapat 42 Tempat Selamat yang

telah diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521];

- b. Penempatan sementara di dua (2) buah **Tempat Berlindung** di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), sekiranya diperlukan oleh mangsa;
- c. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mewujudkan **pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid**;
- d. **Mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan/ *Emergency Protection Order* (EPO)**, Seksyen 3A Akta 521;
- e. **Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan Interim / *Interim Protection Order* (IPO)**, Seksyen 4 Akta 521 daripada Mahkamah; dan
- f. Membantu mendapatkan **Perintah Perlindungan *Protection Order* (PO)**, Seksyen 5 Akta 521 daripada Mahkamah.

Selain itu, menerusi PDRM, pendekatan / polisi yang diambil dalam menangani gejala berkaitan termasuk sistem sokongan pada aspek mental dan fizikal terhadap mangsa-mangsa terlibat adalah seperti berikut:

1. Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling

- Bahagian D11 di peringkat Bukit Aman dan Kontinjen menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Pegawai Psikologi akan menjalankan intervensi iaitu sesi kaunseling dan rundingcara kepada kumpulan sasaran dalam mengurangkan emosi dan trauma.

2. Ujian Penilaian Psikologi

- Selain daripada perkhidmatan kaunseling, Pegawai Psikologi Bahagian D11 berperanan dalam menjalankan Ujian Penilaian Psikologi kepada kumpulan sasaran untuk mengetahui keadaan kognitif individu sihat dari segi mental dan fizikal. Contohnya Ujian DASS 21 (*depression, anxiety, stress scale*) untuk mengetahui tahap kesihatan pada saringan awal. Sekiranya

SOALAN NO. : 121

mangsa mempunyai masalah kesihatan mental akan dirujuk kepada pihak hospital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

SOALAN

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :**

- (a) status semasa pecahan perbelanjaan dan pelaksanaan RM21 juta yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2021 untuk pusat-pusat keganasan rumah tangga; dan
- (b) status pelaksanaan RM4.5 juta untuk penambahan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) seperti yang diperuntukkan dalam Bajet 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) KPWKM ditubuhkan bertujuan untuk menangani isu-isu psikososial yang semakin menular dalam kalangan masyarakat. Perkhidmatan yang disediakan di PSSS merangkumi perkhidmatan kaunseling, khidmat nasihat dan bimbingan, intervensi, rujukan pelbagai bantuan kebajikan KPWKM serta khidmat perlindungan sementara sebelum dirujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Pada tahun 2021, berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kerja-kerja pembinaan fizikal PSSS telah mendapat kebenaran untuk dimulakan pada bulan Ogos 2021 dengan peruntukan yang diterima sebanyak **RM7.7 juta**. Berikut adalah inisiatif yang telah disediakan dengan peruntukan yang diterima:

- i. **9 buah PSSS secara bergerak (*mobile*);**
 - ii. Sebuah **PSSS Transit di Kuala Lumpur**; dan
 - iii. Menaiktaraf sistem data PSSS melalui **Sistem Talian Kasih**.
- b) Melalui Bajet 2022, KPWKM telah menerima peruntukan sebanyak RM4.5 juta yang akan digunakan bagi memperluaskan perkhidmatan PSSS *Mobile* di seluruh negara dan menambah libat urus bersama agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memantapkan lagi pengoperasian dan pengendalian perkhidmatan PSSS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan komitmen Kementerian terhadap Pembangunan Generasi Anak Muda India terutamanya Kaum Wanita India di bawah seliaan program Kementerian (KPWKM) bagi memastikan mereka tidak terkebelakang dalam pembangunan ekonomi negara selari dengan misi Keluarga Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan pelbagai program pembangunan bukan sahaja pembangunan ekonomi tetapi meliputi aspek kemahiran, keseimbangan dan kepimpinan. Untuk makluman, semua program yang dijalankan oleh JPW disasarkan kepada kaum wanita yang terdiri daripada golongan suri rumah, B40, M40, wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah termasuk ibu tunggal mahupun wanita yang ingin membantu keluarga mencari pendapatan yang lebih dan ia lebih bersifat umum dan tidak berfokus kepada mana-mana kaum secara spesifik.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 1,906 program telah dilaksanakan yang memanfaatkan seramai 856,323 peserta di seluruh negara. Program ini dilaksanakan secara dalam talian dan juga fizikal selaras dengan norma baharu.

Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa dari tahap 1 hingga tahap 5 dalam Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan profesional yang melibatkan **14 bidang teknologi** utama antaranya Teknologi Mekanikal, Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Teknologi Awam, Hospitaliti, Teknologi Sukan, Teknologi Fotografi, Teknologi Personel, Teknologi Automotif, Teknologi Tekstil, Teknologi Maklumat, Teknologi Marin, Teknologi Pertanian, serta Minyak dan Gas kepada golongan belia.

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa serta keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir yang diperlukan oleh industri, pelbagai program latihan kemahiran dan teknikal disediakan kepada golongan belia termasuklah belia kaum India, belia NEET (*not in employment, education and training*), belia berisiko, belia berkeperluan khas dan sebagainya melalui Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS).

Selari dengan hasrat kerajaan membantu belia meningkatkan kebolehpasaran kerja di dalam negara ini, Kementerian Belia dan Sukan turut melaksanakan pelbagai program bagi menyediakan latihan kemahiran kepada belia India dan peluang pekerjaan belia untuk menampung kehidupan seharian mereka.

Bagi tahun 2022, sebanyak **470 pelajar kaum India (379 Pelajar Lelaki India dan 91 Pelajar Perempuan India)** sedang mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia dan Diploma Kemahiran Belia di Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Usaha dan inisiatif yang dilaksanakan Kementerian Belia dan Sukan ini adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan kebolehpasaran belia india dalam pembangunan ekonomi negara selari dengan misi Keluarga Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

SOALAN

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah sumbangan dan peruntukan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang disalurkan ke Parlimen Sibuti dengan perincian jumlah penerima dan program-program yang dilaksanakan bermula 2018-2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai bantuan dan program yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk di kawasan Parlimen Sibuti.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan bantuan kewangan secara bulanan dan sekaligus kepada penerima bantuan yang layak menerima bantuan mengikut skim yang telah disediakan. Berdasarkan statistik JKM sejumlah RM3.3 juta (840 klien) disalurkan pada 2018, RM3.2 juta (817 klien) pada 2019, RM4.4 juta (878 klien) pada 2020 dan RM4.3 juta (862 klien) pada 2021. Secara keseluruhan sejumlah RM 15.7 juta telah disalurkan di Parlimen Sibuti sepanjang tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain dari bantuan bulanan, JKM juga mempunyai program-program komuniti yang dijalankan di parlimen Sibuti seperti berikut:

1) Program Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Sibuti, Sarawak ditubuhkan pada tahun 2019 dengan peruntukan secara *one-off* di bawah RMK-11, P48 sebanyak RM 100,000.00 bagi penyediaan premis dan pembelian peralatan. Mulai 2020 PAWE Sibuti telah menerima peruntukan bantuan kewangan pengoperasian sebanyak RM33,330.00 dan tahun 2021 sebanyak RM50,000.00. Jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima oleh PAWE Sibuti bagi tempoh 2018 – 2021 adalah sebanyak RM183,330.00. Sehingga Disember 2021, 325 warga emas berdaftar dengan PAWE Sibuti.

2) Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR)

KPWKM menerusi JKM telah memperkenalkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) *Home Help Service* yang merupakan satu adaptasi inovasi sosial dalam meningkatkan kesejahteraan hidup warga Warga Emas (WE) dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang *vulnerable* dan *marginalise*. Program ini adalah berbentuk pendampingan sosial (*social outreach*) yang mana sukarelawan dipadankan dengan klien mengikut latar belakang sosial seperti agama, etnik, bahasa dan budaya.

Penerima manfaat bagi Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) *Home Help Service* untuk Parlimen Sibuti dari Tahun 2018 sehingga Tahun 2022 (Januari) adalah seramai 36 orang yang terdiri daripada 32 orang Warga Emas dan 4 orang OKU yang dikendalikan oleh seramai 9 orang Sukarelawan iaitu Petugas Program KBDR yang terdiri daripada anggota masyarakat setempat.

Petugas Program KBDR menerima bayaran saguhati bagi setiap orang adalah sebanyak RM400.00 sebulan. Klien Program KBDR juga menerima saguhati dalam bentuk barangan keperluan harian yang bernilai RM80.00 sebulan. Keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan untuk pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) *Home Help Service* bagi Kawasan Parlimen Sibuti sepanjang tempoh bermula **Tahun 2018 hingga Tahun 2022 (Januari) adalah sebanyak RM317,520.00.**

3) Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Program PDK merupakan alternatif kepada penempatan OKU ke institusi pemulihan kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pertubuhan Sukarela Kebajikan atau swasta dan merupakan pusat pemulihan sebelum mereka ditempatkan ke sekolah pendidikan khas di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia. Ibu bapa atau penjaga OKU dan komuniti setempat memainkan

peranan penting dalam mengerakkan program ini dengan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber-sumber tempatan.

Program PDK ini juga turut dilaksanakan dalam kawasan Parlimen Sibuti iaitu PDK Bekenu dan PDK BT Niah. Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada kedua – dua PDK mulai tahun **2018 – 2022 adalah sebanyak RM 679, 491 untuk PDK Bekenu dan RM312,723 bagi PDK BT Niah.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN
YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**

SOALAN

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam usaha untuk menangani permasalahan dan bantuan sokongan kepada golongan wanita muda yang menghadapi penceraian rumah tangga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan menyatakan komitmen dalam menangani isu penceraian yang berlaku dalam masyarakat kini.

Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

1) Talian Kasih 15999

KPWKM telah memperluaskan usaha mempromosikan perkhidmatan aduan atas talian melalui “Talian Kasih 15999” dan aplikasi WhatsApp 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat bagi mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan oleh KPWKM termasuk perkhidmatan psiko-sosial dan berperanan sebagai pusat rujukan, tempat untuk mendapatkan *immediate relief* seperti kaunseling dan perlindungan sementara sebelum mereka dirujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan.

2) Program Advokasi dan Psikososial

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan pelbagai program advokasi sepanjang tahun. Program ini menyediakan perkhidmatan kaunseling secara atas talian dan melaksanakan program psikopendidikan melalui DeStress Clinic, Klinik Undang-Undang, Wanita Anti Jenayah dan pelaksanaan program Sukarelawan Skuad Waja (sejak tahun 2021).

Skuad WAJA memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita serta membantu mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional. Program ini dilihat dapat membantu komuniti dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan menangani isu-isu jenayah.

Sukarelawan Skuad WAJA melaksanakan pelbagai aktiviti psikososial dalam komuniti meliputi bimbingan, nasihat dan rujukan kepada pihak-pihak berkaitan.

3) Perkhidmatan Kaunseling dan Psikososial

Perkhidmatan kaunseling / tele-kaunseling dan psikososial melalui agensi KPWKM iaitu Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan menyediakan perkhidmatan kaunseling motivasi kepada masyarakat, khususnya ibu tunggal, wanita, remaja, mangsa keganasan dan lain-lain. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh kaunselor di daerah dan negeri bagi membantu mereka yang memerlukan.

4) Bantuan Sokongan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat

JKM turut menyediakan bantuan sokongan kepada wanita seperti Tabung Bantuan Segera, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Bakul Prihatin tertakluk kepada kelayakan dan syarat bantuan tersebut.

5) Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)

- a. PSSS ditubuhkan sebagai inisiatif untuk menangani isu keganasan rumah tangga dan masalah sosial.
- b. PSSS ini juga berperanan sebagai pusat rujukan khusus di peringkat komuniti kepada semua lapisan masyarakat.
- c. Penubuhan PSSS melibatkan 3 PSSS secara berpremis dan 7 PSSS secara *mobile*.

Selain itu, wanita muda yang menghadapi penceraian rumah tangga dan memerlukan nasihat berkaitan perundangan boleh merujuk kepada Jabatan Bantuan Guaman (JBG). JBG merupakan sebuah Jabatan Kerajaan yang memberikan perkhidmatan bantuan guaman kepada warganegara Malaysia yang layak dibantu khususnya golongan yang berpendapatan rendah tanpa mengira jantina, bangsa dan agama.

JBG mempunyai bidang kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 26 untuk memberikan perkhidmatan seperti yang berikut:

- (a) khidmat nasihat guaman;

- (b) khidmat perwakilan di mahkamah sivil dan mahkamah Syariah;
- (c) khidmat pengantaraan; dan
- (d) khidmat pendamping guaman.

JBG juga aktif dalam melaksanakan Program Klinik Guaman dan Kesedaran Masyarakat di seluruh negara kepada semua golongan masyarakat termasuk golongan wanita muda. Antara program yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (a) klinik guaman di luar kawasan dan di pusat khidmat setempat;
- (b) klinik guaman di penjara atau pusat tahanan kanak-kanak;
- (c) program literasi undang-undang bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA); dan
- (d) program hebahan dan literasi undang-undang melalui media massa.

Wanita muda yang menghadapi penceraian rumah tangga juga boleh mendapatkan nasihat perundangan daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). **Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)** melalui Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang ditubuhkan pada 22 Oktober 2008 dan bertujuan untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah terutamanya kaum wanita/isteri yang menghadapi penceraian.

Matlamat utama BSK adalah untuk menguruskan penguatkuasaan dan pelaksanaan Perintah Nafkah yang diputuskan oleh mahkamah syariah supaya lebih cekap dan berkesan, di samping menambah baik sistem pengurusan kes tersebut. Di samping itu, pihak BSK juga diberikan tanggungjawab oleh mahkamah untuk menyalurkan bantuan wang pendahuluan nafkah kepada pemohon yang layak bagi meringankan beban, sementara menunggu kes selesai sepenuhnya.

Antara tindakan penguatkuasaan yang akan dilaksanakan oleh BSK apabila menerima aduan daripada mana-mana pengadu adalah seperti berikut:

- a) Saman Penghutang Penghakiman;
- b) Sita dan serah;
- c) Sita dan jual;

- d) Hiwalah; dan
- e) Pengkomitan.

Pelanggan-pelanggan BSK juga dibantu dari sudut kewangan dalam dua (2) kaedah iaitu melalui bantuan dan pendahuluan nafkah. Bantuan nafkah adalah pembayaran wang kepada pelanggan mengikut kadar dan tempoh tertentu tanpa perlu dibayar balik. Manakala, pendahuluan nafkah yang disalurkan kepada pelanggan mengikut kadar dan tempoh tertentu dan perlu dibayar balik. Secara ringkasnya, antara bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh BSK kepada ibu tunggal adalah seperti berikut:

- a) Pendahuluan nafkah selama 6 bulan bagi yang layak sementara menanti kes penguatkuasaan perintah selesai;
- b) Bantuan guaman syarie secara percuma (kecuali Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor di mana Jabatan Bantuan Guaman (JBG) akan mewakili bekas isteri); dan
- c) BSK Transit iaitu penginapan sementara (termasuk makan minum dan pengangkutan) secara percuma bagi menghadiri perbicaraan di mahkamah Syariah (bagi yang layak).

BSK juga memberikan khidmat nasihat dan perundangan Syariah kepada pihak-pihak terlibat secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman atau perintah selepas suatu penghakiman atau perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah. Pegawai-pegawai BSK akan berperanan sebagai Peguam Syarie dan Bailif dalam pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah bagi memastikan sesuatu perintah dapat dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak.

Selain daripada BSK, JKSM juga giat mengadakan literasi undang-undang dan berkolaborasi dengan stesen TV tempatan, agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memberi penerangan berkaitan hak-hak yang boleh dituntut di Mahkamah Syariah sekiranya menghadapi penceraian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:-**

- a) status pendirian rasmi kementerian (mewakili pendirian KPWK, KKM, KLN dan Peguam Negara) berkaitan amalan pemotongan genitalia wanita atau sunat perempuan (FGM/C); dan
- b) status pelancaran dialog bersama NGO dan jabatan agama sepertimana respon pihak Malaysia kepada Jawatankuasa CEDAW.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab menyelaras dan menyediakan maklum balas berkaitan amalan pemotongan genitalia wanita atau sunat perempuan (*Female Genital Mutilation/Circumcision-FGM/C*) bagi laporan negara kepada Jawatankuasa *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW).

Pendirian Malaysia berhubung FGM telah dikemukakan kepada Jawatankuasa CEDAW pada 20 Disember 2020 berdasarkan input daripada pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Laporan berkenaan menjelaskan amalan berkhitan adalah di bawah bidang kuasa negeri dan naungan Raja-Raja negeri tersebut mengambil kira perkara ini adalah sebahagian daripada hal ehwal agama Islam. Sesi konsultasi dilaksanakan secara berterusan oleh JAKIM dengan melibatkan KPWKM, KKM, pakar Syariah, para Mufti, ahli akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan pengamal perubatan bagi memperhalusi isu *khitan* perempuan.

Secara dasarnya, JAKIM berpendirian bahawa amalan khitan kanak-kanak perempuan merupakan amalan yang disyariatkan dalam Islam dan ianya berbeza dengan amalan FGM yang diamalkan dalam kalangan wanita di beberapa negara seperti Afrika dan Asia Barat. Amalan khitan kanak-kanak perempuan yang dilaksanakan di Malaysia adalah selamat dan tidak mendatangkan risiko dalam jangka masa pendek atau panjang. KKM pula berpandangan bahawa terdapat keperluan kajian yang lebih menyeluruh untuk melihat mengenai komplikasi, kebaikan dan implikasi khitan daripada sudut kesihatan. FGM merupakan isu yang sensitif serta perlu ditangani secara berhati-hati. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Kerajaan pastinya akan mengambil kira kesucian agama Islam dan memelihara kebajikan serta kepentingan wanita dan kanak-kanak perempuan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI
HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

SOALAN

Dato' Sri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) diukur daripada segi keberkesanannya dan apakah ia akan diperluaskan lagi terutama di era pandemik COVID-19 yang lebih mencabar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sememangnya menyedari akan kepentingan untuk memperkasakan keluarga dan komuniti sebagai usaha untuk meningkatkan daya tahan komuniti setempat khususnya bagi menghadapi kesan sosial dan cabaran akibat pandemik COVID-19.

Justeru, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah melaksanakan Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) sejak tahun 2016. Program FACE merupakan pendekatan berkonsep pemerksaan komuniti menerusi pengukuhan institusi keluarga melalui objektif seperti berikut:

- i. Meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga di kawasan komuniti terpilih;
- ii. Memperkasa mekanisme sosial dalam komuniti sedia ada sebagai Fasilitator Keluarga; dan
- iii. Mengenal pasti dan merangka aktiviti intervensi dan meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga.

Program FACE telah dilaksanakan bagi tempoh 5 tahun iaitu disepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke 11 melibatkan sebanyak 46 komuniti yang telah dikenalpasti. Bagi tempoh 2016 hingga 2020, sebanyak 1,573 intervensi telah dilaksanakan dan memberi manfaat kepada 161,401 ahli komuniti. Selain daripada penerima manfaat, sesuai dengan konsep pemerksaan komuniti, seramai 430 fasilitator keluarga telah dilatih sebagai pemudah cara serta penggerak dalam melaksanakan projek intervensi di komuniti yang turut melibatkan kolaborasi bersama 364 organisasi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan institusi pengajian tinggi.

Bagi mengukur keberkesanan program ini, kajian Pra Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) peringkat komuniti telah dilaksanakan oleh LPPKN. Tujuan kajian pra IKK ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap semasa kesejahteraan keluarga berdasarkan 8 domain

kesejahteraan keluarga di samping mengenal pasti isu-isu yang wujud di komuniti.

Pelaksanaan program FACE adalah berasaskan data dan kajian pembuktian. Berdasarkan hasil kajian dan maklumat daripada pemegang taruh di komuniti yang diperolehi, LPPKN bersama fasilitator keluarga akan merangka program intervensi yang sesuai untuk dilaksanakan bagi tempoh sekurang-kurangnya setahun selepas penilaian pra IKK dilaksanakan dengan harapan supaya tahap kesejahteraan keluarga di komuniti tersebut dapat dipertingkatkan dan diperkasakan. Setelah itu, satu lagi penilaian pasca IKK akan dijalankan bagi mengukur keberkesanan program intervensi yang dilaksanakan. Namun begitu, hasil kajian ini hanya memberi gambaran asas kesejahteraan komuniti dan masih perlu mengambilkira faktor-faktor lain yang mempengaruhinya.

Selain itu, LPPKN juga telah membangunkan sebuah Model Pengukuhan Keluarga dan Komuniti yang bertujuan untuk memperincikan pelaksanaan program FACE berdasarkan pengalaman yang telah diperhalusi selepas 5 tahun pelaksanaannya. Ia akan diguna pakai untuk memberi panduan kepada pegawai LPPKN, fasilitator keluarga yang dilantik dan pihak yang berminat untuk mempelajari model program FACE.

KPWKM melalui LPPKN akan memperluaskan program ini melalui 3 Model FACE yang telah dibangunkan di mana perlaksanaannya dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi Kerajaan, swasta dan NGO.

Secara keseluruhannya, usaha yang telah diberikan merupakan inisiatif daripada fasilitator keluarga FACE yang telah dilantik dan dilatih oleh LPPKN. Secara tidak langsung, matlamat utama program FACE untuk memperkasakan komuniti menerusi fasilitator keluarga telah berjaya dilaksanakan dan seterusnya memupuk semangat kesukarelawanan komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

SOALAN

Puan Rusnah Binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dilibatkan secara terus dalam '*Policy Making*' bagi membantu permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini selaras dengan situasi semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] dan Teras Strategik 6, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, Meningkatkan Penyertaan OKU dalam Proses Perancangan dan Membuat Keputusan, Kerajaan mengiktiraf hak Orang Kurang Upaya (OKU) untuk terlibat sama dalam proses perancangan dan penggubalan dasar negara serta turut dilibatkan secara terus dalam '*Policy Making*' bagi membantu permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini selaras dengan situasi semasa.

Sebagai komitmen kerajaan kepada OKU di peringkat nasional iaitu menerusi Akta 685 dan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta komitmen di peringkat antarabangsa menerusi Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya, Kerajaan telah melantik YB Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi sebagai Ahli Dewan Negara yang mewakili komuniti OKU pada 20 Mei 2020. Pelantikan ini adalah merupakan pengiktirafan tertinggi Kerajaan kepada OKU dalam Institusi Tertinggi Perundangan Negara. Melalui pelantikan Senator OKU di Dewan Negara ini, isu-isu OKU akan menjadi antara agenda utama dasar dan perundangan negara dan turut akan dijadikan keutamaan dalam arus pembangunan negara. Pelantikan ini juga membuktikan pengiktirafan berterusan kerajaan kepada OKU dalam Dewan Negara bermula dengan lantikan Senator Prof. Datuk Dr. Ismail Md Salleh pada 18 Disember 2007 dan seterusnya Senator Bathmavathi Krishnan pada 18 Disember 2013.

Kerajaan juga turut menubuhkan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang dinyatakan di bawah Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) pada Ogos 2008. MKBOKU merupakan *platform* untuk membincangkan isu-isu OKU yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dianggotai oleh agensi Kerajaan berkaitan dan tidak melebihi 10 orang individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam isu dan permasalahan berhubungan OKU yang dilantik oleh Menteri.

Terkini Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menubuhkan Cawangan Komunikasi Penghakupayaan OKU pada 12 Julai 2021. Objektif penubuhan cawangan ini adalah untuk menyampaikan dan menterjemahkan dasar dan inisiatif kerajaan kepada komuniti OKU ke arah pembentukan masyarakat inklusif. Cawangan ini diketuai oleh Dr. Ruziah binti Ghazali yang merupakan seorang OKU Fizikal (Kerdil).

Kerajaan sentiasa mengamalkan prinsip *“nothing about us without us”* dengan melibatkan OKU melalui pelbagai sesi libat urus bagi membantu Kerajaan untuk penggubalan sesuatu dasar atau akta, perancangan pembangunan negara dan menangani sebarang permasalahan yang dihadapi terutama apabila melibatkan isu-isu OKU. Antara sesi libat urus yang pernah dilaksanakan adalah ketika negara sedang memerangi pandemik COVID-19, penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Bajet 2022 dan sebagainya.

Penglibatan OKU dalam pelbagai sektor perancangan dan membuat keputusan akan terus dipertingkatkan bagi memastikan Kerajaan dapat menyediakan dan menawarkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar OKU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

SOALAN

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang diambil terhadap polisi program pendidikan yang mendiskriminasikan wanita hamil, Orang Kurang Upaya (OKU) dan PLHIV seperti Pro-P dan GreP di bawah MARA untuk membela nasib golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap polisi program pendidikan yang mendiskriminasikan wanita hamil, Orang Kurang Upaya (OKU) dan PLHIV seperti Pro-P dan GreP di bawah MARA. Untuk makluman, setakat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak mengambil tindakan secara spesifik terhadap mana-mana polisi program pendidikan yang mendiskriminasikan wanita hamil, Orang Kurang Upaya (OKU) dan PLHIV termasuklah program di bawah MARA seperti Pro-P dan GreP. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha sedang dijalankan oleh kementerian ini untuk membela nasib golongan tersebut. Antara usaha yang sedang giat dijalankan adalah semakan **Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]**. Akta 685 memperuntukkan golongan OKU akses kepada pendidikan di bawah Artikel 28(1) iaitu:

“Orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat.”

Peruntukan tersebut tidak memperuntukkan penalti atau hukuman sekiranya berlaku ketidakpatuhan kerana Akta 685 merupakan satu akta yang berasaskan hak dan bukan berbentuk penalti. Sebarang kesalahan atau ketidakpatuhan terhadap perkara-perkara yang berkaitan termasuk Pendidikan hendaklah dirujuk kepada perundangan berkaitan sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Hak golongan OKU kepada pendidikan di peringkat pengajian tinggi adalah selaras dengan Perkara 24(5) **Konvensyen Mengenai Hak OKU (Conventions on the Rights of Persons with Disabilities - CRPD)** mengikut ketetapan seperti yang berikut:

“States Parties shall ensure that persons with disabilities are able to access general tertiary education, vocational training, adult education

and lifelong learning without discrimination and on an equal basis with others. To this end, States Parties shall ensure that reasonable accommodation is provided to persons with disabilities.”

Hal ini turut disentuh dalam **Akta Pendidikan 1996** di mana Dasar Pendidikan memuktamadkan akses kepada pendidikan ialah hak asasi semua manusia tanpa sebarang diskriminasi, halangan atau pun pengecualian. Sehubungan dengan itu, inisiatif akan dibuat supaya peruntukan polisi yang berbaur diskriminasi dapat diperhalus dan diperinci sekiranya dilihat wajar semasa proses semakan Akta OKU 2008 tersebut dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Malaysia masih belum mempunyai suatu undang-undang khusus berhubung kesamarataan gender dan sedang dalam tindakan untuk menggubal suatu Rang Undang-Undang Antidiskriminasi Terhadap Wanita (Kesamarataan Gender) yang akan memperincikan, antara lain tafsiran diskriminasi terhadap wanita termasuklah wanita yang hamil. Sebagai usaha mengurangkan diskriminasi terhadap wanita, KPWKM turut mengambil inisiatif dengan mencadangkan penubuhan Majlis Wanita Negara (MWN), Jawatankuasa Eksekutif Wanita Negara (JEWN) dan Jawatankuasa Kerja Wanita Negeri (JKWNI) yang telah diluluskan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 November 2021.

Kementerian ini juga menyeru supaya platform yang membincangkan isu golongan rentan seperti MWN, JEWN dan JKWNI serta Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) untuk dimanfaatkan bagi memperhalus dan memperinci polisi-polisi seumpama ini supaya isu-diskriminasi boleh diatasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

SOALAN

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:**

kewajaran cadangan hukuman kembiri kimia terhadap pesalah jenayah seksual khususnya pedofilia dan sumbang mahram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan terbuka mendengar pandangan pelbagai pihak mengenai hukuman ke atas pesalah jenayah seksual dan sumbang mahram yang berleluasa di negara ini. Namun begitu, cadangan hukuman kembang kimia seperti mana yang dilaksanakan di negara-negara lain seperti Scandinavia dan Indonesia perlu diperhalusi dan dibincangkan kewajarannya dengan lebih teliti kerana pelaksanaan secara mandatori akan menyebabkan berlakunya isu yang berkait rapat dengan hak asasi manusia. Tambahan pula, perkara ini melibatkan peranan dan bidang kuasa kementerian dan agensi lain seperti Kementerian dalam Negeri (KDN), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri, dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sehingga kini, terdapat banyak usaha yang sedang dan telah diambil kerajaan untuk menangani jenayah tersebut. Antaranya termasuklah penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang berada di bawah bidang kuasa BHEUU JPM sendiri. Akta ini digubal bertujuan untuk memberikan perlindungan yang lebih baik kepada kanak-kanak, melindungi kepentingan dan kebajikan kanak-Kanak, di samping mengadakan pencegahan yang berkesan bagi mengatasi isu kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

Untuk makluman Yang Berhormat, kesalahan pengantunan kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai *child grooming* juga telah dimasukkan ke dalam Akta tersebut dengan hukuman penjara maksimum selama 5 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaku kementerian yang bertanggungjawab ke atas kumpulan sasar kanak-kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat memandang serius terhadap isu jenayah seksual ke atas kanak-kanak dan akan memberi perlindungan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001. Saya berpandangan bahawa isu ini bukan sahaja hanya

perlu ditangani melalui penambahbaikan dan penguatkuasaan perundangan, malahan dari segi advokasi dan kesedaran.

Perlu diingatkan juga bahawa institusi keluarga khususnya ibu bapa hendaklah memainkan peranan penting dengan memberi tumpuan dan perhatian kepada anak-anak mereka daripada terdedah kepada ancaman salah laku pedofilia dan sumbang mahram. Menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga keselamatan diri kepada anak-anak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD.
SALLEH [SRI GADING]**

SOALAN

Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk menangani masalah perkahwinan bawah umur terutamanya apabila perkahwinan bawah umur ini melibatkan masalah kemiskinan dan keciciran pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam usaha mengekang perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan program di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan). Program dan tindakan yang telah dirancang mengambil kira pelbagai sudut pandang termasuklah dari aspek pendidikan, advokasi, kesihatan, pengukuhan institusi keluarga, dan sokongan sosioekonomi masyarakat. Pelan ini telah menggariskan usaha-usaha serta strategi untuk menangani punca perkahwinan bawah umur yang antaranya telah dikenal pasti adalah disebabkan oleh kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan.

Bagi menangani pendapatan yang rendah dan kemiskinan, antara strategi dan tindakan yang dirancang adalah menyediakan bantuan kewangan mengikut kumpulan umur kanak-kanak. Buat masa ini, bantuan Kanak-Kanak Keluarga Miskin telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada kanak-kanak berumur 7 sehingga 18 tahun iaitu sebanyak RM150 sebulan manakala kanak-kanak berumur di bawah 6 tahun sebanyak RM200 sebulan dengan maksimum RM1,000 sekeluarga. Selain itu, antara program lain yang dilaksanakan termasuklah program latihan dan kemahiran kerjaya, program peningkatan pendapatan atau keusahawanan, dan memperkukuh latihan dan program keusahawanan sedia ada.

Pelan ini juga dirangka untuk menangani masalah keciciran dalam pendidikan dengan meningkatkan akses kepada pendidikan dalam kalangan kanak-kanak yang berisiko cicir melalui penambahbaikan dasar, perundangan, program dan advokasi, serta mempertingkatkan sistem sokongan psiko-sosial. Buat masa ini, antara tindakan yang telah dilaksanakan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah program kaunseling berfokus yang melibatkan murid berisiko cicir yang bertujuan meningkatkan motivasi dan sahsiah diri di samping menyediakan bantuan persekolahan bagi murid-murid B40 peringkat sekolah menengah seperti Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar (KWAPM) dan Bantuan Awal Persekolahan (BAP).

Tuan Yang di-Pertua,

Antara kementerian dan agensi lain yang turut terlibat dalam usaha menangani masalah kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan seperti yang dirancang di bawah Pelan ini termasuklah Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), dan juga Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). Justeru, saya menggesa semua pihak yang terlibat supaya lebih prihatin dan bersama-sama menyokong usaha kerajaan dalam menangani perkahwinan bawah umur di negara ini. Pelan ini perlu diusahakan secara kolektif supaya isu perkahwinan bawah umur dapat ditangani bagi menjamin masa hadapan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rancangan bagi rumah penjagaan warga emas khusus bagi individu sebatang kara dan warga emas yang diabai anak-anak. Apakah pelan untuk pembangunan dan naik taraf kemudahan rumah penjagaan warga emas ini untuk golongan pertengahan yang tidak mampu membiayai yuran rumah penjagaan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha bagi **membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas** di negara ini melalui pelbagai inisiatif berbentuk **khidmat sokongan sosial, bantuan dan kebajikan kepada warga emas**. Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

1. **Skim Bantuan Warga Emas (BWE)** yang bertujuan memastikan warga emas dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam komuniti. Rekod penerima BWE dari Januari hingga Disember 2021 adalah seramai 138,446 warga emas dengan peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM831,564,284 juta.
2. JKJ menyediakan **perkhidmatan institusi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE)** untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Kebanyakan penghuni institusi adalah sebatang kara dan tiada waris serta berlingung di kedua-dua institusi ini sehingga ke hujung hayat.
3. Terdapat **8 buah RSK di seluruh Malaysia yang boleh memuatkan penghuni seramai 2,020 warga emas**. Sehingga Januari 2021, seramai 1,091 warga emas daif yang boleh menguruskan diri ditempatkan di RSK. Dua (2) buah RSK kini sedang dalam proses pembinaan naik taraf bangunan.
4. Terdapat **2 buah RE di seluruh Malaysia yang disediakan untuk warga emas yang sakit, uzur dan terlantar**. Penghuni RE diberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Sehingga Januari 2022, seramai 255 warga emas

yang tinggal di RE. Kapasiti kedua-dua RE boleh memuatkan seramai 255 warga emas.

5. **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** merupakan satu program yang diberi keutamaan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11); “Strategi B5: Menambah baik Persekitaran Warga Emas” di mana Kerajaan meneruskan usaha bagi menambah bilangan PAWE dengan sasaran satu PAWE, satu Parlimen (222 Parlimen). PAWE merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan. PAWE disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri. Sehingga 2021, sebanyak 153 PAWE telah diwujudkan di seluruh Malaysia memberi manfaat kepada 50 ribu orang warga emas.
6. Bagi memastikan bantuan berterusan kepada penerima BWE, JKM menyediakan **Program Khidmat Bantu di Rumah (Home Help Services)**. Program ini merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas di rumah. Sehingga Disember 2021, seramai 2,087 sukarelawan telah memberikan Khidmat Bantuan di Rumah kepada 6,464 warga emas.
7. Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai **Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)** sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi. Sebagai sokongan kepada usaha melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kementerian telah menyediakan bantuan kewangan berupa geran. JKM menampung perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum (geran rangsum) penghuni yang tinggal berkediaman. Pada tahun 2021, JKM telah menyalurkan geran rangsum kepada 21 buah PSK dengan saluran peruntukan sebanyak RM1.68 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mendepani cabaran negara tua menjelang 2030, Kerajaan melalui KPWKM juga telah merangka beberapa inisiatif baharu bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga emas seperti berikut:

- i. Menambah baik **Pelan Tindakan Warga Emas**;
- ii. Menggubal **Rang Undang-Undang Warga Emas (RUU Warga Emas)**;
- iii. Pembinaan Institusi Penjagaan Warga Emas yang baharu:
 - a. **Kompleks Ehsan Slim River**, Perak dengan jangkaan perbelanjaan sebanyak 70 JUTA
 - b. **Kompleks Sinar Kasih Nibong Tebal, Pulau Pinang** dijangka siap pada tahun 2023 dengan perbelanjaan sebanyak 46 JUTA.
- iv. Mewujudkan **penjagaan jangka panjang warga emas (Long Term Care)** dengan meneliti model-model penjagaan berpandukan Kajian bagi Membentuk Model Penjagaan yang bersepadu dan mampan.

Kementerian juga melalui LPPKN telah melaksanakan **Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) yang bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2020**. Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dan sebanyak 46 komuniti telah terlibat di seluruh Malaysia. Program FACE **bermatlamat memperkasakan komuniti menerusi pengukuhan institusi keluarga**. Pemerkasaan ini turut dilaksanakan dengan memperkasa mekanisme sosial dalam komuniti terpilih sebagai fasilitator keluarga dalam melaksanakan program intervensi.

Program FACE ini masih diteruskan lagi pada tahun 2021 dan 2022 bagi melaksanakan program dan kajian keberkesanan yang tertunggak ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan pada Mac 2020 sehingga Oktober 2021.

SOALAN NO. : 457

Secara dasarnya Kementerian ini prihatin kepada keseluruhan golongan sasar warga emas dan tidak hanya tertumpu kepada warga emas sebatang kara malah warga emas yang tinggal bersama dengan ahli keluarga turut diperkasakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]**

SOALAN

**Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:**

- (a) nisbah berbanding penduduk dan jumlah pekerja sosial di Malaysia mengikut negeri setakat 1 Mac 2022; dan
- (b) bagaimana pendekatan Kementerian untuk menarik minat anak muda terlibat dalam sektor penjagaan sosial khususnya Malaysia akan menjadi negara tua menjelang 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa kini, masih tiada satu peruntukan dan punca kuasa yang jelas berkaitan pendaftaran pekerja sosial di Malaysia. Justeru, bagi tujuan penambahbaikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kini sedang dalam peringkat akhir penggubalan suatu rang undang-undang yang akan mengiktiraf profesion kerja sosial di Malaysia. Memandangkan masih tiada satu entiti kawal selia yang jelas berkaitan pekerja sosial di Malaysia, maka buat masa ini, Malaysia masih belum mempunyai satu pangkalan data yang khusus yang mengumpulkan maklumat berkaitan pekerja sosial di Malaysia.

Perkhidmatan kerja sosial pada masa kini didominasi oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat yang berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta di beberapa penempatan lain dalam agensi Kerajaan yang turut menyampaikan perkhidmatan berbentuk pembangunan sosial seperti di perkhidmatan kesihatan (kebijakan perubatan), koreksional (penjara), pemulihan penyalahgunaan dadah serta di beberapa bidang praktis kerja sosial yang lain.

Secara umumnya, sehingga **Disember 2021**, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai bilangan perjawatan bagi pegawai **Skim Sosial (Skim S) seramai 3,814 orang** yang memberikan fokus kepada skop tugas pekerja sosial melibatkan pengurusan kes (*case management*) kepada kumpulan sasaran. Selain itu, berdasarkan kajian oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) tahun 2019, nisbah Pekerja Sosial di JKM berbanding populasi penduduk Malaysia adalah 1:8,576 (Seorang Pekerja Sosial di JKM kepada 8,576 orang penduduk Malaysia). Nisbah ini dilihat amat besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti 1:490 di Amerika Syarikat, 1:1,040 di Australia, 1:3,025 di United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah memulakan beberapa inisiatif sebagai persediaan Malaysia menjadi negara tua dari sudut kesediaan modal insan termasuk pelaksanaan program *Technical Vocational Education Training* (TVET) yang diperkenalkan melalui Kementerian Sumber Manusia merentasi pelbagai bidang kemahiran termasuk bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga terlibat secara langsung dalam pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skill Standard* (NOSS) bagi bidang pekerjaan di bawah industri penjagaan termasuk bagi bidang penjagaan warga emas di sektor penjagaan formal seperti di pusat jagaan. NOSS tersebut adalah seperti berikut:

- i. NOSS Operasi Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 3;
- ii. NOSS Pentadbiran Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 4; dan
- iii. NOSS Pengurusan Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 5.

NOSS yang telah dibangunkan ini telah diiktiraf di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan digunakan di dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang diselia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Sehingga Disember 2021, seramai 252 orang telah mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang ini. Terdapat tiga (3) kaedah untuk memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia iaitu melalui:

i. Latihan di Pusat Bertauliah

Program latihan kemahiran secara sepenuh/separuh masa di institusi latihan yang ditauliah. Sehingga 31 Disember 2021 terdapat tiga (3) buah Pusat Bertauliah (PB) yang menjalankan program persijilan SKM secara SLDN dalam bidang Pusat Jagaan Orang Tua.

ii. Latihan berorientasikan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Program latihan kemahiran yang menggabungkan latihan di institusi latihan dan di industri (tempat kerja); dan

iii. Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Pengiktirafan kepada pekerja-pekerja yang telah berkhidmat tiga (3) tahun ke atas di dalam bidang. Calon SKM tersebut perlu mengemukakan bukti-bukti keterampilan yang telah dimiliki untuk dinilai dan diiktiraf kemahiran yang dimiliki.

Selain itu, Kementerian ini juga, bersama-sama JKM melalui Pelan Strategik JKM 2021-2025 dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) 2021-2025 telah menyasarkan sekurang-kurangnya 2,000 orang pengamal industri/sukarelawan termasuk golongan muda untuk mendapat pentauliahan SKM dalam bidang penjagaan warga emas dan perkhidmatan komuniti.

Kementerian dan JKM juga akan melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- i. Mempromosi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) bagi Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti kepada pengamal industri termasuk golongan muda;
- ii. Menjadikan pusat latihan kendalian JKM dan pusat latihan yang berkeelayakan untuk ditauliah sebagai Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (PB SLDN) bagi menjalankan program SPKM bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti;
- iii. Mengkaji semula NOSS bagi bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti; dan
- iv. Menjalankan kajian yang berkaitan dengan Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti.

SOALAN NO. : 514

Pada tahun 2019 sehingga 2021, sebanyak RM176,990 telah diperuntukkan oleh JPK kepada JKM untuk menjalankan program promosi serta advokasi dan telah melibatkan lebih 2,000 orang pengamal industri di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.